



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, PERSIARAN PERDANA,
PRESINT 4,
62100 W.P. PUTRAJAYA

Telefon : 03-8891 5555
Fax : 03-8891 5557
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my

Fail: (39) KPKT/BPK/19/7/4 Klt.38

Tarih: 31 Januari 2012

Ketua Pengarang,

Harian Metro

Akhbar : **Harian Metro**
Tarikh : **10 Januari 2012**
Subjek : **Bahaya Jalan Berlubang**

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) khususnya Jabatan Kerajaan Tempatan(JKT) melalui Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) merujuk kepada artikel tersebut, ingin memaklumkan bahawa pihak Majlis telah menjalankan siasatan pada 10 Januari 2012 di Persiaran Puncak Jalil 2 dan mendapati aduan tersebut adalah benar. Hasil siasatan mendapati terdapat 4 lokasi yang dikenalpasti bermasalah dan memerlukan kerja-kerja tampalan.

Sehubungan dengan itu, arahan telah diberikan kepada kontraktor pada hari yang sama untuk membuat kerja-kerja pembaikan dan dijangka diselesaikan pada 16 Januari 2012. Pemantauan akan dijalankan dari masa ke semasa di lokasi tersebut.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Datuk Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat (jessy@kpkt.gov.my)

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
e-mail : pro@kpkt.gov.my

